

PENUKILAN ILMU BAHARU MELALUI SEJARAH LISAN

Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,

Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan

Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia

11800 USM, Minden, Pulau Pinang

srms@usm.my, radia_banu@usm.my,

cramlah@usm.my, azlindawj@usm.my

* Kertas telah dibentangkan di Regional Conference on Local Knowledge 2012, 15-16 Oktober 2012, Pulau Pinang

ABSTRAK

Sejarah lisan adalah satu kaedah yang penting dalam merakam peristiwa lampau yang pernah ditempuhi oleh seseorang. Melalui sejarah lisan, rekod-rekod sejarah berkenaan suatu peristiwa dapat dilengkapkan kerana sebahagian maklumat masih tersimpan di dalam memori individu yang terlibat. Satu-satunya kaedah pengumpulan maklumat dalam sejarah lisan ialah temubual atau wawancara yang dijalankan ke atas individu tertentu. Temubual sejarah lisan ini merangkumi berbagai lapisan masyarakat agar satu perspektif baharu tentang peristiwa-peristiwa sejarah dapat dihasilkan. Pada tahun 1982, Universiti Sains Malaysia telah mengorak langkah menubuhkan Jawatankuasa Sejarah Lisan bagi mengumpul maklumat berkenaan pendudukan Jepun di wilayah utara Semenanjung Malaysia. Disamping pakar-pakar sejarah yang menjadi ahli Jawatankuasa ini, salah seorang daripada ahlinya adalah Pustakawan dari Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Pustakawan ini bertanggungjawab ke atas bahan rakaman dan juga transkripsi yang telah dihasilkan. Kesemua kompilasi sejarah lisan yang tersimpan di Perpustakaan didapati mampu menjana ilmu baharu jika usaha-usaha mempromosikan sumber maklumat ini dibuat dengan terancang. Pembangunan teknologi mampu membantu menyalurkan koleksi ini kepada para penyelidik melalui akses yang lebih meluas. Kertas kerja ini akan menerangkan tentang kepentingan sejarah lisan, latar belakang koleksi yang terdapat di Perpustakaan USM dan juga usaha-usaha yang boleh dibuat bagi mengetengahkan sumber maklumat ini sebagai bahan yang berkepentingan terhadap penyelidikan sejarah pada masa akan datang.

ABSTRACT

Oral history is an important method used to record events that a person has gone through. Historical records of an event can be completed through oral history since

Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan

part of the information still resides in a person's memory. Interview is one method that is used in oral history to collect information from an individual. The oral history interview scope covers all levels within a society in order to gain a new perspective on historical events. In 1982, Universiti Sains Malaysia formed the Committee on Oral History in order to gather information about the Japanese occupation in the northern areas of peninsular Malaysia. The committee members had historians as well a librarian for the University's library. The librarian is responsible for the recordings and the transcriptions. The historical compilations that are kept in the Library can generate new knowledge. Therefore there should be a structured promotion plan. Technological developments can aid in the dissemination of the collection to a wider audience. This paper will explain the importance of oral history, background of the collection held in the USM Library and efforts undertaken to promote this information source as an important material for research on history in the near future.

Keywords: Oral history, Knowledge; Information sources; Interviews, Research methodology

PENGENALAN

Sejarah lisan merupakan kajian yang dapat menyimpan data masa lampau walaupun tempoh masa dan peristiwa telah berlalu. Ia wujud dalam waktu berlakunya penemuan-penemuan baharu dan teknologi moden yang bersesuaian dengan perkara-perkara yang semakin kompleks seperti politik, kewangan, perniagaan, sastera dan kehidupan moden. Kajian sejarah lisan dikatakan sangat menarik kerana penyelidik akan bertemu dengan pelbagai pengalaman baharu, melihat sejarah daripada aspek yang pelbagai, serta mengenali lebih banyak personaliti manusia. Ia merupakan satu bidang kajian yang amat luas meliputi pelbagai golongan masyarakat seperti orang biasa, pemimpin masyarakat, gabenor, menteri kabinet, penulis terkenal, pengarang, korporat dan sebagainya (Rozeman, 2004).

Bidang sejarah lisan telah dipelopori oleh Herodotus yang menjalankan proses temuramah individu untuk mendapatkan peristiwa-peristiwa sejarah yang dianggap penting pada masa lampau. Beliau telah dianggap sebagai 'Bapa sejarah' dan perintis dalam bidang ini (Starr, 1984). Kemudian ianya dipelopori oleh Thucydides yang menulis menggunakan pengalaman tentera-tentera yang terlibat dalam peperangan Peloponnesian (Morrison, 1998). Beliau menyatakan adalah sukar untuk menyatakan kebenaran secara keseluruhan peristiwa kerana sebahagian saksi sukar

*Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,
Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan*

untuk mengekalkan pengalaman tersebut. Projek sejarah lisan yang pertama telah dilancarkan oleh Prof. Allan Nevins pada tahun 1948 di Universiti Columbia (Nevins, 1984:29). Pada tahun 1960-an bidang kajian sejarah lisan menjadi semakin berkembang dan diminati dalam pelbagai aspek teknik dan penggunaan sumber-sumber sejarah.

Sejarah lisan boleh dijalankan ke atas tokoh-tokoh yang masih hidup atau pun yang telah meninggal dunia. Di Malaysia, contoh projek sejarah lisan mengenai tokoh yang masih hidup adalah seperti individu-individu yang terlibat dalam peristiwa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, peristiwa darurat, pejuang-pejuang kebangsaan, kemerdekaan dan sebagainya. Manakala sejarah lisan yang boleh dilakukan ke atas tokoh yang telah meninggal dunia adalah seperti Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Hussein Onn dan sebagainya dengan mendapatkan maklumat daripada orang yang paling rapat seperti ahli keluarga dan kenalan rapat mereka.

Perkaitan antara sejarah dan ilmu dengan sejarah lisan sebagai ilmu baharu boleh dilihat dengan memahami maksud ilmu dan sejarah itu sendiri. Secara tidak langsung ia dapat memberi gambaran tentang ilmu baharu atau informasi yang dapat dihasilkan melalui sejarah lisan.

Ilmu

Ilmu merupakan pengetahuan yang diperolehi melalui proses tertentu yang dinamakan kaedah keilmuan. Kaedah inilah yang membezakan ilmu dengan pemikiran. Atau dengan perkataan lain, ilmu adalah pengetahuan yang diperoleh dengan menerapkan kaedah keilmuan. Kerana ilmu merupakan sebahagian daripada pengetahuan, yakni pengetahuan yang memiliki sifat-sifat tertentu, maka ilmu dapat juga disebut pengetahuan keilmuan. (Suriasumantri, 1990). Kaedah keilmuan merupakan suatu cara berfikir dalam mencari pengetahuan. (Suriasumantri, 1990).

Sejarah

Sejarah terdiri daripada sekumpulan fakta-fakta yang telah diteliti dan dipastikan. Fakta-fakta tersebut dikumpulkan oleh ahli sejarah dari dokumen-dokumen, suratan-suratan dan sebagainya ibarat ikan di atas papan penyiang si penjaja ikan. Ahli sejarah memungutnya, membawanya pulang, memasak dan menghidangkannya dalam apa sahaja cara yang menarik baginya (Carr, 1984). Hakikat yang sebenarnya ialah bahawa sejarah, seperti juga halnya dengan kebanyakan ilmu sosial yang lain, adalah suatu ilmu yang subjektif (Muhd Yusuf dan Mahayudin, 1988).

Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan

Sejarah Lisan

Menurut Ahmad (1987), sejarah lisan merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan. Kaedah ini melibatkan proses wawancara dan merakam ke dalam pita tentang keterangan-keterangan orang yang mengetahui sesuatu peristiwa sejarah sama ada melalui penglibatannya secara langsung dalam peristiwa itu atau sekadar menyaksikannya. Ia turut disokong oleh Starr (1984), yang menyatakan sejarah lisan merupakan kaedah pengumpulan fakta-fakta sejarah yang masih belum lagi dikaji dan dirakam semula dan merupakan penerus kepada proses mengumpul data sejarah setelah hilangnya tradisi penulisan sejarah. Ianya dikatakan bermula sejak berlakunya sesuatu peristiwa sejarah itu sendiri.

Kepentingan Sejarah Lisan

Sejarah lisan adalah proses melibatkan orang yang menceritakan peristiwa dengan pengumpul maklumat yang memperkatakan peristiwa yang lepas dan dirujuk daripada ingatan seseorang, kertas, diari, surat, gambar dan sebagainya. Sumber sejarah lisan dianggap sebagai sumber primer yang didapati daripada hasil rakaman perbualan yang dibuat melalui temuramah yang telah dirancang dan direkodkan oleh para penyelidik dan informan. Fakta sejarah lisan dikatakan mempunyai kekuatan tersendiri yang dapat menjelaskan peristiwa masa lampau yang telah berlaku. Ianya terdiri daripada berbagai-bagai jenis sastera rakyat (*folklore*) seperti mitos, lagenda, cerita asal-usul dan sebagainya (Abdul Rahman, 1996).

Peranan sejarah lisan amat penting untuk membina semula peristiwa-peristiwa sejarah bagi menggantikan rekod-rekod yang telah hilang atau dimusnahkan oleh pihak penjajah seperti Jepun dan British. Ia amat berguna untuk mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber-sumber bertulis, untuk menambah sumber bertulis yang sedia ada dengan keterangan-keterangan sejarah yang telah dicatatkan, untuk menyelamatkan keterangan-keterangan sejarah yang akan hilang dan ia juga sebagai pendorong kepada penyelidik untuk membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang telah disediakan dengan sumber-sumber lisan (Nadzan, 1979).

Selain itu, ia juga berperanan dalam membawa dan memperkenalkan sejarah dari luar kedalam sesuatu masyarakat atau pun sebaliknya. Melalui sejarah lisan, orang yang ditemubual mampu memberi pandangan baharu tentang peristiwa bersejarah kerana informan juga boleh terdiri daripada kalangan orang biasa dan bukan daripada golongan elit sahaja. Dengan cara ini, ia dapat membantu meningkatkan harga dan keyakinan diri setiap lapisan masyarakat. Ia juga mampu menjadi

*Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,
Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan*

penghubung dalam mewujudkan persefahaman antara kelas sosial dan diantara generasi ke generasi yang lain. Ini juga dapat menjadi pencetus semangat masyarakat agar lebih menyedari sejarah mereka sendiri dan meransang minat dan penyelidikan tentang sejarah tempatan. Dengan pemahaman yang terjalin diantara masyarakat dan ahli sejarah, ia boleh menimbulkan rasa kebersamaan pada sesuatu tempat (daerah atau negeri) dan masa. Dalam masa yang sama, sejarah lisan juga mampu mencabar lagenda atau sejarah yang telah sedia diketahui oleh masyarakat dan ini membuka ruang kepada perubahan dalam pengertian sosial terhadap sejarah.

KOLEKSI SEJARAH LISAN DI PHS

Jawatankuasa Sejarah Lisan Universiti Sains Malaysia telah ditubuhkan pada April 1982 dan dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan), Profesor Sharom Ahmat. Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil-wakil beberapa Jabatan di Universiti iaitu Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (Bahagian Sejarah), Unit Teknologi Pendidikan dan Perpustakaan. Jawatankuasa ini bermesyuarat secara berkala untuk menilai projek penyelidikan dan peruntukan dana bagi membiayai projek ini.

Projek Sejarah Lisan pertama yang dihasilkan oleh Jawatankuasa ini ialah ‘Pendudukan Jepun di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia merangkumi Kedah, Perak dan Pulau Pinang’. Projek selama 2 tahun ini melibatkan pensyarah dan pelajar daripada Bahagian Sejarah. Individu daripada pelbagai lapisan masyarakat yang telah melalui kehidupan pada zaman pendudukan Jepun telah ditemubual bagi mendapatkan pandangan mereka berkenaan dengan pentadbiran Jepun di dalam daerah tertentu, masalah harian berkaitan makanan, perniagaan dan pekerjaan serta pandangan umum tentang kempen ketenteraan, kemasukan tentera Jepun ke bandar, gangguan sosial, gerakan penentangan dan reaksi kaum secara umum.

Pita rakaman temubual dikatalog dan diindeks oleh Perpustakaan USM untuk memudahkan rujukan. Universiti akan memastikan rakaman dan transkrip hanya digunakan selaras dengan hasrat informan. Untuk tujuan ini, satu perjanjian rasmi dimeterai bersama setiap orang yang ditemubual, menetapkan syarat-syarat bagaimana rakaman temubual dan transkrip akan dibuat dan digunakan. Antara personaliti tempatan yang telah ditemubual adalah Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Datuk Koh Sin Hock dan Kapten Mohamad Nor.

Bahagian Malaysiana dan Arkib telah ditubuhkan pada tahun 1982 dengan dua tujuan. Pertama, untuk membina satu koleksi yang dapat memenuhi keperluan

Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan

penyelidikan para ahli akademik dan penyelidik, dalam semua bidang perkara mengenai Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam. Kedua, untuk menyimpan dan memelihara bahan-bahan warisan budaya untuk rujukan masa kini dan masa hadapan. Dalam konteks koleksi khas, Bahagian ini bertanggungjawab membina, menyimpan dan memelihara koleksi ini, serta dipertanggungjawabkan untuk menyimpan dan menguruskan koleksi sejarah lisan di Perpustakaan USM. Sehingga kini koleksi sejarah lisan adalah seperti berikut:

A. Sejarah Pendudukan Jepun

Rakaman terdapat dalam format pita kaset, transkrip (bercetak dan digital) dan cakera padat (VCD).

1. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	24/03/80
2. Encik L. R. Shori	22/08/83
3. Encik Chan Yik King	020/9/83
4. Puan P.A.Dass	26/10/83
5. Encik Khoo Chor Kwee	27/10/83
6. Encik Teoh Chooi Hor	12/11/83
7. Encik Tan Lip San	06/04/84
8. Encik Heah Hock Khoon	06/04/84
9. Encik Cheang Kok Choy	13/04/84
10. Tun Datuk Hj Awang Hassan	23/07/84
11. Encik Doraisamy s/o Narayanasamy	09/10/84
12. Encik Tsang Jan Nam	11/10/84
13. Encik Wen Tze Chian	11/11/84
14. Encik Lim Hong Pei	12/11/84
15. Encik Han Kok Fu	14-16/11/84
16. Encik Ng Yeam Poey	07/12/84
17. Encik K. S. Maniam	09/03/85
18. Encik M. B. Jinadesa	06/04/85
19. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	29/04/85
20. Encik Joginder Singh Jessy	07/05/85
21. Datuk Ghani	23/05/85
22. Encik E. D. F. Cooray	11/10/85
23. Dato' Abdul Razak Hamid	28/12/2002
24. Encik Mohd Jagar Din	n.d.
25. Encik Manicasothy Saravanamuthu	n.d.
26. Encik Majid Mohd	n.d.

***Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,
Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan***

27. Dato' Hj. Abdul Razak	2002
28. Encik James Jeremiah	n.d.
29. Dato' Hajjah Saleena Yahaya	13/07/2007
30. Dato' (Dr.) Anwar Fazal Mohamed	18/07/2008

B. Tokoh Pulau Pinang

Koleksi ini menampilkan individu yang telah memberi sumbang bakti kepada negeri Pulau Pinang dari aspek pendidikan, kemasyarakatan, pentadbiran, keagamaan dan sebagainya. Rakaman disimpan dalam format video cakera padat (VCD).

1. Dato' Hajjah Wan Johara Mohd. Sultan 7/11/2008
(Temubual telah dijalankan bersama individu-individu yang rapat dengan Allahyarham:
 - Datin Hajah Wan Zainab Abu Backer - anak
 - Hajah Latiffah Abdul Rahman - kenalan
 - Hajah Zaiton Merican - kenalan
 - Ustazah Sutar-bi Yahaya Marican - kenalan)
2. Dato' Hajjah Khairon Mohd Ali 19/12/2008

C. Kenangan Abadi

Koleksi ini dihasilkan oleh Jawatankuasa Projek Kenangan Abadi dalam format video cakera padat (VCD). Tujuan projek ini ialah untuk merakam maklumat dan pengalaman yang dimiliki oleh tokoh-tokoh yang telah membangunkan USM sejak awal penubuhannya. Maklumat dan pengalaman tersebut tidak pernah dirakam atau didokumenkan sebelum ini.

1. Tan Sri Hamzah Sendut, Naib Canselor pertama
2. Tun Hamdan Sheikh Tahir, Naib Canselor kedua
3. Dato' N. A. Ogle, Pendaftar pertama
4. Encik Lim Huck Tee, Ketua Pustakawan pertama
5. Tan Sri Musa Mohamad, Naib Canselor ketiga
6. Dato' Sharom Ahmat, Timbalan Naib Canselor pertama

D. Bicara Ilmu Kaum Peranakan Asia Tenggara

Koleksi ini terhasil daripada program Bicara Ilmu yang diadakan bersempena Majlis Pelancaran Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara

Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan

pada 14 April 2010 yang dirasmikan oleh YB. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Terdapat lima individu yang telah ditemubual berkaitan topik kaum peranakan. Rakaman disimpan dalam format video cakera padat (VCD).

1. Tuan Haji Yusoff Azmi Merican, Kaum Jawi Peranakan
2. Tuan Haji Mohd. Mustakim Mohd. Mastan, Kaum Jawi Peranakan
3. Pak Majid (Tok Dalang Wayang Kulit Seri Asun), Kaum Siam Peranakan
4. Bapak Tjong Fungi Fon, Kaum Cina Peranakan Indonesia
5. K. Nadarajan Raja, Kaum India Peranakan

Selain daripada koleksi-koleksi di atas, terdapat satu temubual sejarah lisan telah diadakan bersama seorang tokoh pemikir, Profesor Datuk Syed Hussein Al-Attas' sempena kehadiran beliau sebagai pengucap utama di Persidangan Antarabangsa Perpustakaan 2005 anjuran Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.

PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN BAHAN SEJARAH LISAN

Bagi memastikan bahan sejarah lisan dapat disimpan kekal, aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan perlu dilaksanakan. Bahan sejarah lisan terdapat dalam format pita kaset, cakera padat, cetakan dan digital. Oleh itu, kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan yang berbeza perlu diketahui dan dilaksanakan oleh Perpustakaan.

Kaedah-kaedah Pemeliharaan dan Pemuliharaan

Menurut Dasar Koleksi Malaysiana dan Arkib serta Dasar Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sumber Maklumat Perpustakaan, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang telah disediakan pada tahun 2009, kaedah pemeliharaan bahan-bahan koleksi sejarah lisan adalah seperti berikut:-

i) Suhu dan kelembapan:

Pengawalan suhu dan paras kelembapan adalah perlu sebagai langkah memelihara bahan daripada rosak. Kawasan koleksi perlu dipasang dengan alat penghawa dingin 24 jam dan alat penyahlembapan. Pemantauan suhu dan kelembapan perlu dilakukan setiap hari. Jadual 1 menunjukkan tahap suhu dan kelembapan perlu mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia

**Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,
Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan**

Jadual 1 : Standard Suhu dan Persekutaran Penyimpanan Bahan Perpustakaan
(Sumber: *Dasar Koleksi Malaysiana dan Arkib serta Dasar Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sumber Maklumat Perpustakaan, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia*, 2009)

Jenis Bahan	Suhu	Kelembapan
Manuskrip	15.5 – 20 darjah celcius	45% - 50% RH
Buku/Media kertas	18 – 21 darjah celcius	50% - 55% RH
Media magnetik/ Mikrofilem	16 – 20 darjah celcius	40% - 45% RH

ii) Penyelenggaraan bahan

Penyelenggaraan bahan akan membantu mengurangkan kerosakan bahan. Di antara tindakan penyelenggaraan ialah :

- Memantau keadaan koleksi secara berterusan dan mengambil tindakan sekiranya ada kerosakan seperti menghantar bahan untuk dijilid.
- Mengekalkan kebersihan kawasan koleksi dengan membersihkannya daripada habuk dan lain-lain benda yang boleh mengundang kehadiran makhluk perosak.
- Keperluan pengwasapan perlu dipastikan dari semasa ke semasa.

Bahan yang diterima sebagai hadiah perlu melalui proses pengwasapan terutama untuk Koleksi Khas/Persendirian. Pencucian kering perlu dilakukan untuk bahan yang didapati mempunyai habuk.

Menurut Dasar Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sumber Maklumat Perpustakaan, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, aspek pemeliharaan koleksi perlu dilakukan melalui penyelenggaraan dan pemuliharaan berterusan. Dengan ini kerosakan yang serius terhadap koleksi Perpustakaan termasuk koleksi sejarah lisan akan dapat dikurangkan. Penyelenggaraan koleksi termasuklah:

- a. Menyemak keadaan bahan secara berkala dan mengambil langkah-langkah pencegahan, rawatan, membuat salinan pendua atau mengganti bahan yang dikenalpasti rosak.
- b. Penggunaan bekas atau kotak yang bersesuaian untuk melindungi bahan.
- c. Mengekalkan kebersihan kawasan penyimpanan dan membersihkan koleksi secara sistematik mengikut kaedah yang bersesuaian.

Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan

- d. Menyediakan ruang simpanan yang bersesuaian dengan bahan berkenaan.

SEJARAH LISAN DAN ILMU BAHARU

Memori masih dianggap sebagai satu bahan mentah sejarah dan sumber yang masih hidup jika sejarahwan berminat untuk mencungkil sesuatu melaluinya. Sejarahwan sejarah lisan menitikberatkan memori sebagai sumber maklumat sejarah yang berpotensi. Ia didapati boleh memberikan satu penerangan yang bersandarkan kepada ingatan semula peristiwa dan keadaan berbanding dengan tulisan sejarah walaupun kedua-duanya memainkan peranan dalam penceritaan masa lampau (Hutton, 1993).

Masa lampau yang wujud dalam ingatan yang mampu membantu memenuhi keperluan semasa perlu dipelihara melalui rakaman dan temu bual sejarah lisan. Namun begitu, kerana kepelbagaiannya sebab-sebab yang mampu mempengaruhi dan merubah memori, penggunaan sejarah lisan memberi cabaran yang tersendiri kepada para penyelidik terutamanya didalam mengenalpasti kesahihan sesuatu peristiwa. Sejarah lisan sering dipersoalkan dari segi ketepatan dan kebenaran maklumat lisan yang diperolehi sebagai sumber sejarah. Perkara ini disebabkan sumber sejarah lisan adalah bergantung kepada selama mana kekuatan ingatan yang terdapat pada individu-individu berkenaan dan lazimnya sumber lisan yang diperolehi mempunyai mempunyai unsur-unsur bias, emosi dan reaksi terhadap peristiwa yang diceritakan (Ahmad, 1987).

Bagi memastikan kesahihan maklumat lisan yang diperolehi, terdapat beberapa langkah yang boleh diperaktikkan untuk mengesahkan kesahihan maklumat tersebut iaitu melalui:

- a. Semakan dan pemeriksaan kesahihan sumber menerusi penyelidikan latar belakang tentang kisah hidup orang yang ditemubual dan juga subjek yang dipilih. Ini juga amat penting sebelum aktiviti temuramah sejarah lisan dijalankan.
- b. Adakan rujukan silang sumber sejarah lisan dengan sumber lain tentang subjek atau pun dengan merujuk pada zaman tersebut.
- c. Penyelidikan melalui soalan lanjutan. Ia memerlukan kemahiran yang tinggi untuk mendapatkan maklumat daripada orang yang ditemubual supaya tidak dilihat seperti satu siasatan. Penemubual mampu membawa informasi lebih dekat kepada cerita sebenar dengan bertanya soalan lanjutan dengan menyapa topik atau isu yang sama daripada perspektif atau peringkat yang

***Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,
Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan***

- berbeza. Penemubual kemudiannya mampu menilai cerita informan dengan lebih jelas dan teliti.
- d. Kerjasama dan persetujuan di antara informan dan agensi-agensi penting seperti Arkib Negara, pihak perundangan dan penemubual adalah diperlukan sebelum sesuatu wawancara dijalankan bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah sahih dan penggunaannya telah mendapat persetujuan sebagai sumber rujukan yang bernilai pada masa hadapan.
 - e. Kerja-kerja mentafsir sejarah lisan hendaklah disemak dan disusun semula, walaupun sumber lisan berpunca daripada seorang informan yang meyakinkan tetapi mungkin terdapat kesalahan-kesalahan kecil yang mengelirukan dari segi maklumat lisan yang diperolehi. Sejarah lisan dianggap mempunyai kelebihannya yang tersendiri dari segi kejituhan kandungannya dan kurang dipersoalkan kerana wujud sistem temuramah, mentranskripkan rakaman dan kerja-kerja mengindeks yang dikemaskini.

Dengan melaksanakan langkah-langkah menyemak kesahihan maklumat lisan, penyelidik akan mendapat ilmu dan pemahaman yang lebih mendalam tentang sesuatu sumber dan peranan yang dimainkan melalui rakaman berkenaan sesuatu peristiwa. Seterusnya maklumat yang diperolehi mampu menjana ilmu atau informasi baharu melalui kajian dan penyelidikan lanjut untuk rujukan atau panduan generasi akan datang.

Merujuk kepada definisi ilmu yang telah dinyatakan di atas iaitu “Ilmu merupakan pengetahuan yang diperolehi melalui proses tertentu yang dinamakan kaedah keilmuan” dan “Kaedah keilmuan merupakan suatu cara berfikir dalam mencari pengetahuan” maka dapat disimpulkan bahawa pengetahuan yang diperolehi melalui sejarah lisan yang telah dijalankan kajian lanjut dan sudah semestinya memerlukan pemikiran akan mampu menghasilkan satu ilmu yang lebih bermanfaat. Oleh itu, bagi memastikan satu ilmu baharu dapat dihasilkan pihak penyelidik perlulah menjalankan kajian lanjut terhadap topik-topik yang sedang difokuskan.

Bagi pihak Perpustakaan, untuk memastikan ilmu atau informasi baharu dapat dijana melalui sejarah lisan, usaha-usaha mempromosikan sumber maklumat ini perlu dibuat dengan terancang. Bahan-bahan sejarah lisan yang terbiar, tidak diurus dan tidak diselenggara dengan baik akan membataskan capaian kepada sumber maklumat di Perpustakaan. Perpustakaan sebagai pemelihara sumber maklumat perlulah mengambil insiatif untuk mengekalkan koleksi ini supaya sumber bernilai ini dapat dirujuk oleh generasi akan datang. Dalam konteks Perpustakaan Universiti

Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan

Sains Malaysia, beberapa usaha bagi membangun koleksi sejarah lisan telah diambil iaitu mengadakan rakaman baharu, meneruskan usaha mentranskripsi rakaman sedia ada, mendigitalkan transkrip yang ada, penulisan berkaitan koleksi sejarah lisan dan beberapa penerbitan dalam format bercetak dan cakera padat (VCD) telah dilaksanakan.

Selain daripada perkara sedia ada, penambahbaikan bagi mengetengahkan koleksi sejarah lisan boleh dibuat terutama dalam penggunaan teknologi terkini. Penggunaan teknologi terkini dapat meluaskan akses kepada koleksi sejarah lisan. Sebagai contoh, penggunaan video streaming berserta transkrip digital yang diletakkan dalam portal koleksi sejarah lisan Perpustakaan. Melalui portal ini, penyelidik dapat menonton dan seterusnya mengkaji kandungan temubual berkenaan. Ini akan mempercepatkan dan memudahkan penyelidik dalam memperolehi maklumat yang diperlukan.

Seterusnya bagi memastikan koleksi ini dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak, usaha-usaha promosi perlu dijalankan. Antara usaha yang boleh dibuat ialah melalui jalinan kerjasama dengan institusi penyelidikan, penulisan, penyediaan dan pengedaran risalah terkini yang mengandungi maklumat tentang koleksi sejarah lisan dan mengadakan persidangan atau pameran berserta majlis pengkisahan sejarah dengan mengundang tokoh sejarawan Negara bagi menarik minat semua golongan masyarakat terhadap sejarah lisan.

KESIMPULAN

Pada dasarnya tujuan menjalankan sejarah lisan adalah untuk mendapatkan maklumat daripada individu-individu terpilih yang mengalami sesuatu peristiwa pada zamannya dan merekod serta memelihara pengkisahan yang merupakan salah satu daripada rekod-rekod sejarah yang semakin berkurangan dan sudah hilang. Jika tiada usaha-usaha pemuliharaan dilakukan banyak sumber-sumber sejarah yang dianggap penting akan pupus. Kegunaan sumber lisan adalah amat penting kepada generasi baru terutamanya generasi yang tidak melalui zaman peperangan, penjajahan dan perjuangan dalam menuntut kemerdekaan. Para ilmuan tidak boleh bergantung kepada sumber primer yang terdapat di arkib dan sumber sekunder di perpustakaan tetapi sebaliknya mereka perlu melakukan usaha-usaha mengumpul maklumat-maklumat sejarah lisan yang masih banyak terdapat pada generasi tua di Malaysia (Rozeman, 2004). Usaha merakamkan sumber-sumber lisan sangat penting kerana dokumen sejarah akan terus kekal selama-lamanya tetapi mereka yang mengalami peristiwa sejarah tidak akan kekal selama-selamanya.

*Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,
Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan*

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1996. *Pengantar Ilmu Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Abd. Kadir. 1987. Sejarah lisan satu kaedah penyelidikan sejarah. *Bulletin*, 16:17-19.
- Carr, E.H. 1984. *Apakah sejarah?*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hutton, P.H. 1993. History as an Art of Memory. Hanover: University Press of New England.
- Morrison, J. H. 1998. A global perspective of oral history in Southeast Asia. In: P. Lim Pui Huen (Ed). *Oral History in Southeast Asia: Theory and Method*. Singapore: Stamford Press.
- Muhd. Yusof Ibrahim dan Mahayudin Haji Yahaya. 1988. *Sejarawan dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadzan Haron. 1979. Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 9: 44-58.
- Nevins, A. 1984. Oral history: how and how it was born. In: D. K. B. Dunaway and K. Willa (Ed.). *Oral History: An Interdisciplinary Anthology*. London: Altamira Press.
- Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Jawatankuasa Kerja Dasar Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sumber Maklumat. 2009. *Dasar Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sumber Maklumat Perpustakaan*. Accessed on 14 November 2011 from http://www.pustaka.usm.my/index.php?option=com_repository&Itemid=26&func=startdown&id=232
- Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. 2009. *Dasar Koleksi Malaysiana dan Arkib*. Accessed on 14 November 2011 from

Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan

http://www.pustaka.usm.my/index.php?option=com_remository&Itemid=26&func=startdown&id=231

Rozeman Abu Hassan. 2004. *Mengenali dan Mentafsir Sumber-sumber Sejarah*. Shah Alam: Karisma Pub.

Starr, L. 1984. Oral history. In: D. K. B. Dunaway and K. Willa (Ed.). *Oral History: An Interdisciplinary Anthology*. London: Altamira Press.

Suriasumantri, Jujun. 1990. Tentang hakekat ilmu. In: Sidang Pengarang (Eds.). *Ilmu dalam perspektif*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.